

02 APR 2001

Umno-Setiausaha

DUA SETIAUSAHA POLITIK DR M MENGADU NASIB DI KUBANG PASU

ALOR SETAR, 2 April (Bernama) -- Pemilihan Umno Bahagian Kubang Pasu akan menyaksikan Datuk Johari Baharom selaku setiausaha politik kepada Perdana Menteri mencabar Datuk Saad Man bagi jawatan naib ketua bahagian.

Saad yang juga bekas setiausaha politik kepada Perdana Menteri merupakan naib ketua sementara Johari pula bendahari di bahagian itu, kata penolong setiausaha bahagian itu Shamsuddin Ahmad.

Johari dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Dr Mahathir Mohamad awal tahun lepas menggantikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Saad yang ditamatkan perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik kepada Dr Mahathir selepas pilihan raya umum 1999, digantikan oleh Datuk Dusuki Ahmad. Perdana Menteri mempunyai dua orang setiausaha politik.

Shamsuddin berkata, Johari mendapat 105 pencalonan daripada cawangan-cawangan berbanding 16 bagi Saad untuk jawatan naib ketua bahagian itu. Terdapat 126 cawangan Umno di Kubang Pasu.

Selain daripada mempertahankan jawatan itu, Saad juga akan mencabar timbalan ketua bahagian itu Tan Sri Osman Aroff yang juga bekas Menteri Besar Kedah dan wakil peribadi Perdana Menteri di kawasan pilihan raya itu.

Saad mendapat 29 pencalonan sementara Osman, 96 bagi jawatan timbalan ketua, kata Shamsuddin.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu menang tanpa bertanding dengan kesemua 126 cawangan mencalonkan beliau untuk terus menerajui Bahagian Kubang Pasu, katanya.

Ketua Wanita Kubang Pasu Barishah Saad yang juga anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang, juga menang tanpa bertanding berdasarkan kepada pencalonan yang diperlolehinya sementara Ketua Pemuda Radzi Ayob akan dicabar oleh Izhar Ismail.

Radzi mendapat 56 pencalonan berbanding Izhar yang hanya mendapat 19 pencalonan.

Sementara itu, setiausaha eksekutif Umno negeri Bakri Ali Mahamad berkata 11 daripada 15 bahagian di Kedah telah menetapkan tarikh mesyuarat perwakilan masing-masing iaitu Alor Setar (7 April), Pokok Sena (13 April), Jerlun dan Merbok (14 April), Langkawi (19 April), Padang Terap, Pendang, Yan, Sik dan Padang Serai (21 April) dan Baling (28 April).

Kubang Pasu, Sungai Petani, Kuala Kedah dan Kulim/Bandar Baharu masih belum menetapkan tarikh mesyuarat perwakilan masing-masing.

-- BERNAMA

JM RYN PR